

24/11/1999

Bahaya gantung poster tanpa kawalan

Wan Jailani Razak

BERBEZA dengan coretan warkah sebelum ini yang kerap mengkhabarkan mengenai program pembangunan dan masalah berkaitan pelancongan, kali ini kita beralih rentak memandangkan pilihan raya umum kali ini ada kaitan dengan kemajuan Langkawi pada masa depan.

Ibarat mahu menaiki feri terakhir di sini, hari ini, kita pasti tidak mahu terlepas. Justeru, inilah peluang keemasan yang tidak harus disia-siakan bagi menentukan bentuk pembangunan Langkawi pada alaf akan datang dengan membuat pemilihan yang tepat.

Seperti daerah lain di seluruh negara, Langkawi turut rancak dihiasi kibaran bendera dan poster di kiri kanan jalan dan setiap ceruk pulau ini, melambangkan perang poster oleh parti yang bertanding pada pilihan raya umum ke-10, pada 29 November ini.

Bagaimanapun, dalam keghairahan memasang poster, janganlah memandaimandai pasang poster di persimpangan lampu isyarat kerana ia boleh menghalang penglihatan pemandu. Di persimpangan lampu isyarat di Kampung Sungai Mengulu, iaitu Jalan Padang Matsirat dan Jalan Batu Asah, misalnya, poster Pas menyebabkan lampu isyarat terlindung dan ini membahayakan pemandu. Kalau prihatin, ubahlah.

Begitu juga dengan pemasangan poster yang merintang jalan. Kelonggaran penguatkuasaan undang-undang Majlis Daerah Langkawi dalam hal ini, usahlah diambil kesempatan keterlaluan. Di sepanjang jalan Temoyong dan Kedawang, misalnya, poster yang dipasang merintang jalan terlalu rendah.

Pernah satu hari, keadaan itu menyebabkan pemandu trailer yang membawa jentera memesin padi terpaksa memperlambatkan kenderaan dan ada di antara tali yang mengikat poster berkenaan terputus terkena bahagian atas trailer.

Kita perlulah menghormati Langkawi sebagai destinasi pelancongan utama negara. Jangan sampai kawasan dicemari poster yang terbiar dan berterbangan di jalan raya dan sekitar tempat tumpuan utama pelancong.

Pelancong Jerman, Ian Muller, ketika ditemui kagum dengan proses pilihan raya di negara ini kerana ia berlangsung dalam keadaan aman, tidak seperti sesetengah negara jiran yang huru-hara.

Mengenai ceramah yang disajikan, penduduk Langkawi perlu menolak tabiat baru berpolitik yang menukar kegiatan berdakwah kepada kempen bersifat hiburan. Dakwah seperti itu sebenarnya tidak menginsafkan. Imbaslah kembali kisah Mahsuri yang membawa sejarah hitam kepada tujuh keturunan di sini yang berpunca daripada perbuatan fitnah.

Mereka sudah lama menderitanya akibat fitnah yang menimpa Mahsuri sehingga gadis rupawan itu dihukum bunuh dan menyebabkan pulau ini gersang sejak tujuh abad lalu. Justeru, bangunlah dan katakan kita tidak mahu lagi termakan fitnah kerana sedar kesan buruk yang pernah dialami.

Ada juga suara mengatakan "Mai kita tukaq kerajaan, kalau tak baguih, kita tukaq balik" (Mari kita tukar kerajaan, kalau tak bagus, kita tukar balik). Apakah mereka menyifatkan menukar kerajaan adalah perkara mudah? Jika demikian, kenapa di Indonesia, tidak habis-habis ditimpa kekacauan. Oleh itu, berfikirilah dengan waras.

Program yang sedang rancak di pulau peranginan ini hanya dapat diteruskan jika pengundi terus memberi mandat kepada BN sebagai tanda terima kasih kepada arkitek nombor satunya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ini hakikat. Bukan berkempen tetapi bimbang, penduduk Langkawi tersilap dalam percaturan bagi menentukan masa depan Langkawi.

( END )